

# PERKEMBANGAN KORPORAT

Tahun ini merupakan tahun yang penuh peristiwa untuk Kumpulan AmBank dengan penggabungan kekuatan dan pelaburan dalam bidang-bidang yang mendorong pertumbuhan masa depan. Kumpulan juga telah menggaris atur struktur korporatnya untuk meningkatkan kedalaman dan keluasan produknya. Bagi tahun kewangan 2008, tema strategik utama adalah untuk memposisikan Kumpulan sebagai pemain dominan dalam industri perkhidmatan kewangan Malaysia.

## Memperkuuhkan perkongsian ANZ

Pada 2hb Mac 2007, AMMB Holdings Berhad (“AHB”), Amcorp Group Berhad (“Amcorp”) dan Australia and New Zealand Banking Group Limited (“ANZ”) telah menandatangani perjanjian tetap yang akan membuka laluan untuk ANZ memegang ekuiti dalam AHB. Pada 31 Mac 2008, ANZ memegang 19.17% pemegangan dalam AHB, tiga (3) jawatan dalam Lembaga AHB dan Enam (6) jawatan pengurusan dalam Kumpulan AmBank.

Kepakaran ANZ dalam Perbankan Runcit dan IKS, Pengurusan Risiko, Pembiayaan Automobil, Pasaran Kewangan dan Pengurusan Projek diiktiraf di peringkat antarabangsa. Kepakaran antarabangsa ANZ ditambah dengan ekuiti jenama dan kedudukan yang baik dalam industri perkhidmatan kewangan Malaysia menghasilkan gabungan kekuatan yang kukuh untuk membolehkan Kumpulan menjadi kuasa dominan dalam industri perkhidmatan kewangan Malaysia.

Kumpulan telah bekerja rapat dengan rakan kongsi untuk mentakrifkan semula visi masa depan AHB yang diringkaskan dalam aspirasi AmVision 2011 dengan matlamat utama berikut:-

- i. Membangunkan posisi kami sebagai syarikat perkhidmatan kewangan utama di Malaysia dan diiktiraf sebagai majikan yang diutamakan dalam perkhidmatan kewangan.
- ii. Menggandakan keuntungan asas (Keuntungan Bersih Selepas Cukai) pada 2011 (kadar pertumbuhan kompaun tahunan 20%)
- iii. Mensasarkan Pulangan atas Ekuiti (ROE) 20% dan Nisbah Kos kepada Pendapatan 40% dalam jangka masa sederhana.
- iv. Mencapai kedudukan ketiga teratas dalam semua segmen perniagaan terpilih dalam jangka masa sederhana.

Untuk mencapai objektif tersebut, agenda strategik telah dirangka untuk membina keupayaan baru, menangani cabaran utama Kumpulan dan mencepatkan peluang pertumbuhan utama. Ini termasuk:-

- Menangani isu strategik penting – Pinjaman Tidak Berbayar (NPL), Kos Dana dan Pembiayaan Automobil.
- Membina Perbankan Runcit dan IKS untuk menjadi enjin pertumbuhan hasil utama bagi Kumpulan dan meluaskan kedudukan pengagihan mereka.
- Mempelbagaikan aliran hasil Bank Pelaburan dan membina Forex serta platform derivatif baru.
- Mengembangkan perniagaan Insurans agar menyumbang bahagian lebih besar kepada hasil Kumpulan.
- Mencepatkan pertumbuhan dalam Kad Kredit dan Gadai Janji.
- Menambah baik rangka kerja Risiko, Kewangan dan Tadbir Urus dalam Kumpulan.

Berdasarkan gabungan visi dan strategi tersebut, terbuktilah bahawa penekanan yang tinggi diberi kepada disiplin pengurusan dan kerjasama dalam perkongsian dengan ANZ, untuk membina asas yang kukuh dengan keyakinan dan budaya berprestasi tinggi. ANZ terus menyediakan kemahiran dan sumber apabila diperlukan untuk membantu memantapkan kekuatan perkongsian dan membina platform bagi mencapai matlamat dan aspirasi Kumpulan.

## **Penswastaan AmInvestment Group Berhad (“AIGB”)**

Penswastaan AIGB adalah sebahagian daripada latihan penstrukturkan semula AMMB Holdings Berhad Group (“Kumpulan AmBank”) untuk beralih ke platform perbankan sejagat, dalam suasana liberalisasi dan daya saing yang lebih kuat dalam sektor perbankan kewangan Malaysia. Langkah-langkah ke arah pembinaan platform perbankan sejagat adalah selari dengan trend global serta amalan pasaran antarabangsa dan diamalkan secara meluas dalam sektor perkhidmatan kewangan Malaysia.

Pendaanaan untuk penswastaan AIGB telah diperolehi daripada keuntungan:

- i. Terbitan hak boleh tukar milik sebanyak 295,972,939 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham (“SAHAM HAK”) dalam AMMB Holdings Berhad pada harga terbitan RM3.40 sesaham berdasarkan satu (1) saham hak bagi setiap lapan (8) saham keutamaan tukaran bernilai RM1.00 sesaham dipegang dalam AMMB Holdings Berhad (“TERBITAN HAK”). Menurut pelarasan yang timbul daripada terbitan hak ini, AMMB Holdings Berhad menerbitkan 1,281,618 waran tambahan 2003/2008 (“WARAN 2003/2008”).
- ii. Pinjaman bank sebanyak RM1.4 bilion.

Selepas penswastaan, AmInvestment Bank Berhad akan memfokuskan perniagaan utama kepada aktiviti pasaran modal, nasihat korporat, kewangan berstruktur, ekuiti dan aktiviti berkaitan hutang serta pembrokeran.

Dari perspektif Kumpulan, penswastaan AIGB telah membuka laluan untuk menyepudukan aktiviti-aktiviti perniagaan AmInvestment Bank dan AmBank bagi membolehkan AmInvestment Bank memanfaatkan kunci kira-kira AmBank untuk menyediakan urus niaga perbankan pelaburan yang lebih besar/berstruktur, selari dengan garis panduan ketat Bank Negara Malaysia (BNM) tentang peminjaman, penajajaminan instrumen hutang dan ekuiti serta perdagangan proprietari. Ini memudahkan carakan pencapaian skala serta pempelbagaian hasil untuk Kumpulan.



## **Melaksanakan Latihan Penstrukturkan Semula Kumpulan**

Untuk mengekalkan kelebihan daya saingnya, Kumpulan telah melaksanakan latihan Penstrukturkan Semula untuk menggaris arus struktur korporat ke arah platform perbankan sejagat. Menggaris arus struktur korporat Kumpulan membolehkan pembangunan produk dan perkhidmatan baru yang kompetitif di samping proses pengurusan serta perdagangan aset-liabiliti yang lebih baik. Di samping perkara di atas:-

- i. Pada 12hb April 2008, Kumpulan telah menyempurnakan pemindahan aktiviti Perbendaharaan dan Peminjaman Korporat besar (“Aktiviti Berasaskan Dana”) daripada AmInvestment Bank Berhad kepada AmBank (M) Berhad dan AmIslamic bank Berhad. Penyatuan Aktiviti Berasaskan Dana di bawah Kumpulan Perbankan (dengan Ambank (M) Berhad sebagai institusi utama) akan menggalakkan pengurusan risiko kredit dan pasaran Kumpulan yang lebih baik serta menghasilkan kunci kira-kira yang lebih besar, yang boleh dimanfaatkan oleh lain-lain syarikat operasi Kumpulan AmBank, terutamanya AmInvestment Bank.
- ii. Berikutan pemindahan Aktiviti Berasaskan Dana kepada AmBank dan AmIslamic Bank, penajaran semula penstrukturkan Kumpulan akan membawa kepada Kumpulan AmBank digaris atur menjadi empat (4) kumpulan perniagaan iaitu Kumpulan Perbankan, Kumpulan Pengurusan Aset, Kumpulan Pasaran Modal dan Kumpulan Insurans. Penajaran semula ini akan menyepudukan lagi fokus perniagaan dan operasi dan menguruskan risiko secara lebih sistematik bagi segmen industri tertentu di samping menambah baik kecekapan serta keberkesanan dalam peruntukan dan penggunaan modal dan sumber.
- iii. Peluang untuk aktiviti jualan silang bertambah dengan adanya batasan, fokus dan kawalan perniagaan yang jelas, disepadukan di institusi utama bagi setiap empat (4) kumpulan perniagaan tersebut.
- iv. Penstrukturkan semula Kumpulan turut menggalakkan pengkhususan dalam kemahiran staf dan memusatkan keberkesanan proses.

# PERKEMBANGAN KORPORAT

## Penubuhan AmG Insurance Berhad (“AmG Insurance”) untuk memudahkan carakan pemisahan perniagaan insurans komposit AmAssurance Berhad (“AmAssurance”) kepada Insurans Hayat dan Am.

AMMB Holdings Berhad (“AHB”) sedang melaksanakan beberapa inisiatif korporat berhubung perniagaan insurans. Inisiatif tersebut bertujuan untuk menyokong strategi pertumbuhan berhubung portfolio perniagaan insurans Kumpulan. Strategi pertumbuhan ini termasuk pemberian fokus kepada perniagaan insurans pakar, pembelagaihan asas hasil dan pencapaian bahagian pasaran dalam pasaran insurans Takaful. Inisiatif ini melibatkan penstrukturkan semula entiti insurans korporat, pemerolehan pegangan strategik dalam syarikat insurans lain serta kemasukan pekongsi strategik yang baru.

Program penstrukturkan semula korporat melibatkan pemisahan entiti insurans komposit AmAssurance Berhad (“AmAssurance”) menjadi dua entiti berasingan dan jelas yang bertujuan menempatkan perniagaan insurans pakar. Sehubungan ini, subsidiari bernama AmG Insurance Berhad (“AmG”) telah diperbadankan pada 25hb Januari 2008 sebagai kenderaan untuk mengendalikan perniagaan pakar insurans am. Sebagai entiti insurans yang sedia ada, AmAssurance akan menjadi kenderaan bagi pengelolaan pakar perniagaan insurans hayat. Setiap entiti insurans, masing-masing dan secara eksklusif, akan memegang lesen insurans am atau hayat.

Dari segi pemerolehan pegangan strategik dalam syarikat-syarikat insurans lain, dan menurut kelulusan yang diperolehi daripada Bank Negara Malaysia (BNM), AmAssurance sedang berunding dengan MAA Holdings Berhad (“MAAH”) untuk:-

- i. Cadangan pemerolehan perniagaan insurans am yang dipegang oleh MAAH dalam Malaysian Assurance Alliance Berhad (“MAA”).
- ii. Cadangan pemerolehan pegangan ekuiti dalam MAA Takaful Berhad, subsidiari insurans Takaful bagi MAAH.

Di samping itu, AmAssurance turut mendapat kebenaran BNM untuk memulakan perundingan dengan pihak-pihak berminat dalam memperolehi pegangan dalam perniagaan asurans Hayat. Kemasukan pekongsi perniagaan asurans Hayat baru dijangka akan membantu membangunkan perniagaan asurans hayat pakar bagi Kumpulan.

## Memorandum Persefahaman (“MOU”) antara AmlInvestment Bank Berhad dan Woori Investment & Securities Co., Ltd.

Untuk mengembangkan lagi aktiviti perniagaan pelaburan di luar negara, AmlInvestment Bank Berhad telah menandatangani MOU dengan Woori Investment & Securities Co. Ltd dari Seoul, Korea yang mula berkuat kuasa pada 29hb November 2007. Skop kerjasama merangkumi bidang perniagaan berikut:-

- i. Perniagaan Perbankan Pelaburan terutamanya penyatuan dan pemerolehan sempadan silang, penyenaraian syarikat-syarikat di bursa saham Malaysia dan Korea, terbitan sekuriti, pembiayaan projek, penssekuritian, dsb.
- ii. Penerbitan atau pengaturan Bon Islam.
- iii. Perniagaan Pengurusan Dana termasuk REIT dan ekuiti swasta.
- iv. AmlInvestment and Woori akan menggunakan jaringan pengagihan masing-masing untuk bekerjasama dalam penjualan dana bersama dan perdagangan pembrokeran dalam sekuriti Pihak lain.
- v. Untuk menyediakan bahan penyelidikan dalam bahasa Inggeris tentang ekonomi, pasaran dan syarikat kepada setiap Pihak.
- vi. AmlInvestment akan mengatur dan membantu Woori Investment & Securities Co. Ltd dalam penerbitan IPO dan bon denominasi \$AS atau Ringgit termasuk CB dan BW oleh syarikat-syarikat Malaysia.

Dari perspektif Kumpulan, MOU ini bertujuan untuk meningkatkan perniagaan perbankan pelaburan dalam pasaran Korea serta mengukuhkan ekuiti dan kedudukan jenama Kumpulan.

## Penutup

TK 2008 merupakan tahun yang cemerlang bagi AMMB Holdings Berhad (“AHB”). Kemajuan penting telah dicapai dalam pelaksanaan rancangan kami, pengukuhan visi Kumpulan serta pembaharuan semangat, maruah dan kecemerlangan kakitangan Kumpulan. Merealisasikan potensi Kumpulan sepenuhnya memerlukan usaha yang berterusan di samping pemahaman dan komitmen jangka panjang. Kumpulan akan terus membuat pelaburan penting dan bersikap lebih agresif dalam usahanya untuk mencapai matlamat-matlamat utama AmVision 2011.

# Urus Niaga REIT Islam Terbaik Tahun 2007

## Anugerah Urus Niaga Alpha Southeast Asia

Kami memenuhi keperluan setiap pelanggan kami dengan menawarkan penyelesaian kewangan Islam yang inovatif dan diperibadikan. Sebab itulah kami merupakan kumpulan perbankan pelaburan yang terpilih.



Dari kiri: Encik Mohd Effendi Abdullah (Pengarah/Ketua, Pasaran Islam, AmInvestment Bank), Puan Pushpa Rajadurai (Pengarah Eksekutif, AmInvestment Bank), YBhg Tan Sri Dato' Azman Hashim (Pengerusi, Kumpulan AmBank), Encik Siddiq Bazarwala (Penerbit & CEO, Alpha South East Asia), Encik T C Kok (Pengarah Urusan AmInvestment Bank) dan Puan Christina Kautzky (Wartawan Bencana Kanan, Alpha South East Asia).

**Kami menyediakan penyelesaian kewangan terbaik  
dengan mengutamakan anda, di setiap peringkat.**



Kewangan Korporat | Pasaran Hutang & Kewangan Berstruktur | Pasaran Islam | Pasaran Ekuiti & Derivatif  
Perbendaharaan & Derivatif | Pembrokeran Saham dan Hadapan | Pengurusan Dana | Perkhidmatan Amanah | Ekuiti Swasta | Perbankan Persendirian

[ambg.com.my](http://ambg.com.my)

**AmInvestment Bank**  
Group